

()

**“KEBANGSAAN”
MENURUT SEJARAH & AGAMA**

-
-
-1

(Hong

(Malaysia) ! - - Kong)

Setelah sekian lama aspek-aspek kebendaan menguasai dan melampaui sesetengah aliran pemikiran, hasilnya lahirlah mereka yang berpendapat bahawa “tanah air” ialah suatu tempat di mana pelaburan mereka tumbuh subur dan mereka berasa aman tentang keselamatannya. Maka tidak ada beza pada mereka di antara Hong Kong –contohnya- dengan Malaysia.

-2

Oleh itu anda dapati mereka menilai sejarah, tamadun, kemuliaan dan kehebatan sesebuah tanah air dengan ukuran nilai syarikat, organisasi dan pelaburan dari sudut ada atau tiada nya sumber kebendaan. Dari sinilah berbezanya pada perkiraan mereka makna “kesetiaan negara”.

-3

Oleh itu ada sesetengah peniaga dan pengilang dan lain-lain lagi yang menyangka bahawa tanah air mereka ialah di mana terletak nya kepentingan mata benda mereka semata-mata. Dengan itu konsep “anak watan” pada mereka umpama sesiapa yang datang ke sesebuah negeri yang tidak akan membezakan dia dengan orang lain selain daripada apa yang dia miliki daripada pengalaman perniagaan, perindustrian dan lain-lain lagi. Oleh kerana itu kita dapati para pedagang atau pengilang atau pelabur hanya melaburkan harta mereka dengan pemikiran pelabur-pelabur yang asing. Bila mana dia mempunyai pengalaman yang lebih banyak pastilah dia akan memperolehi untung yang banyak dan akan lebih mampu untuk bersaing.

-4

Betul !!! Ini adalah perkara biasa dari sudut perniagaan, tetapi bukan perkara biasa apabila dilihat dengan kaca mata negara dan kebangsaan serta kemuliaan sesebuah bangsa. Kerana harta dan keuntungan itu bukanlah sebuah negeri, bahkan ia adalah salah satu daripada buah atau hasil keamanan, keunggulan, kekuatan dan sumbangan rakyat yang hidup di dalam negeri tersebut. Maka tidak mungkin bagi seseorang peniaga atau pelabur itu hendak berurusan dengan tanah (negeri) semata-mata tanpa rakyatnya dan tidak juga sebaliknya.

-5

!

Tanah air adalah sebuah negeri sama ada pada saat keperitan atau kemewahan. Para pemerintah, penduduk, tentera, pengawal dan mereka yang bersengkang mata untuknya ... kesemuanya berasal daripada tanah, air dan udara sesebuah negara dan mereka bukannya tetamu yang bertandang. Apabila setengah golongan kenamaan atau orang awam yang tidak mengetahui perkara ini ... maka aku tertanya-tanya siapa lagi yang lebih utama untuk membela sesebuah negeri selain daripada anak jati nya sendiri. Setelah semua ini (dijelaskan) maka apakah kamu masih lagi menyangka bahawa tanah air itu adalah sebuah syarikat pelaburan ???

-6

...

Boleh jadi sesetengah mereka yang berkahwin dengan pasangan luar negara menyangka bahawa ini adalah perkara yang digembar-gemburkan. Setengah yang lain pula menyangka bahawa keamanan boleh dibeli dengan harta benda ... Sebenarnya tidak sama sekali !! Sesungguhnya sekiranya anda mampu mendapatkan seorang isteri dengan duit engkau, tetapi engkau tidak akan mampu membeli tanah air dan keamanan atau kemuliaan dan kehebatan dengan duit anda.

-1

-2

-3